

24 FEB 1996  
Lapangan Terbang  
LAPANGAN TERBANG DI PERLIS

KANGAR, 24 Feb (Bernama) -- Perlis akan mempunyai lapangan terbangnya sendiri apabila kerajaan pusat meluluskan peruntukan sebanyak RM70 juta bagi tujuan projek pembinaan lapangan terbang itu, kata Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Beliau berkata, cadangan kerajaan negeri untuk mewujudkan sebuah lapangan terbang berkenaan mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kerja-kerja projek berkenaan akan dilaksanakan sebaik sahaja kerajaan pusat meluluskan peruntukan untuk projek itu," katanya kepada pemberita di sini.

Lapangan terbang itu akan dibina di sebuah kawasan tebusguna tanah di Sungai Berembang di Kuala Perlis, 10 km dari sini, katanya.

Beliau berkata, lapangan terbang itu dijangka dapat memenuhi keperluan penerbangan dalam negeri di samping sebagai tempat latihan penerbangan untuk pesawat ringan.

Pada masa ini Perlis hanya mempunyai sebuah landasan terbang di Sungai Batu Pahat di sini yang digunakan untuk latihan pesawat ringan mikrolight serta pertunjukkan udara yang diadakan setahun sekali.

Selain itu kata beliau, selaras dengan pembinaan lapangan terbang itu sebuah syarikat dari England, Southern Gas Turbines Ltd menunjukkan minat untuk mendirikan sebuah kilang pembuat komponen pesawat ringan di negeri ini.

Syarikat berkenaan dijangka mengemukakan cadangan terperinci mengenai projek itu kepada kerajaan negeri tidak lama lagi, katanya.

Shahidan berkata, kerajaan negeri mungkin turut serta dalam projek itu dengan memiliki saham sebanyak 10 peratus dalam syarikat berkenaan sama ada melalui Yayasan Islam Perlis atau syarikat Menteri Besar Diperbadankan. -- Bernama

IQ PR